

ETP sedia negara landasan ekonomi kukuh
Utusan Online
October 28, 2011

KUALA LUMPUR 27 Okt. - Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah strategi jangka panjang negara bagi menyediakan landasan ekonomi yang kukuh untuk menghadapi krisis ekonomi akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, asas kukuh itu penting supaya Malaysia tidak menjadi mangsa krisis ekonomi.

Menurut beliau, sebab itu Malaysia sentiasa berfikir untuk memastikan pendekatan semasa adalah relevan atau sebaliknya.

Katanya, walaupun Malaysia telah berhadapan dengan beberapa krisis ekonomi dunia sejak kemerdekaan namun negara mampu berhadapan dengannya.

"Kenapa kita berjaya menghadapinya?. Ia kerana kerajaan sentiasa memantau pendekatan ekonomi yang dijalankan sesuai atau tidak dengan situasi semasa.

"Kita perlu buat begitu kerana Malaysia tidak mahu menjadi mangsa krisis dan penting untuk menyediakan pelan dalam menangani krisis-krisis akan datang," katanya pada Persidangan ASEAN CIMB di sini, hari ini.

Jelas beliau, kejayaan ETP sangat penting kerana Malaysia perlu mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1028&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_03.htm